



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENYEDIAAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR

No Dokumentasi : APTVM (20b:2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENYEDIAAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR

No Dokumentasi : APTVM (20b:2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

1.0	Objektif.....	1
2.0	Skop.....	1
3.0	Rujukan.....	1
4.0	Definisi.....	1
5.0	Kata Singkatan.....	3
6.0	ARAHAN PROSEDUR TETAP PENYEDIAAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR	
6.1	Eksport.....	3
6.2	Pemindahan.....	4
6.3	Penyembelihan.....	5
6.4	Daging untuk pasaran tempatan.....	6
6.5	Daya biak.....	7
6.6	Kesuburan.....	7
6.7	Insurans.....	8
7.0	Format Sijil Kesihatan Veterinar.....	9
8.0	Sijil Kesihatan Elektronik.....	9

Lampiran: MODEL SIJIL KESIHATAN VETERINAR

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) merupakan salah satu daripada dokumen sijil veterinar yang penting diperuntukkan melalui Seksyen 24 Akta Doktor-Doktor Veterinar 1974, Akta 147. Peruntukan itu memberi kuasa hanya kepada veterinawan berdaftar untuk menurunkan tandatangan.

Akta Binatang 1953 (semakan 2006) pula memperuntukkan melalui Seksyen 83 kepada Pengarah Perkhidmatan Negeri kuasa untuk mengeluarkan Sijil Bebas Penyakit. Terdapat juga negeri yang mewartakan Seksyen 36 untuk mengisytiharkan penyakit serta menggunakannya untuk mensyaratkan SKV ketika pemindahan dan sembelih.

Berdasarkan kepada kedua-dua akta berkenaan kuasa menandatangani SKV diperuntukkan kepada veterinawan berdaftar samada penjawat awam atau swasta. Maka veterinawan swasta boleh menandatangani SKV yang bersifat umum untuk mengesah status kesihatan.

Bagi SKV yang bertujuan khusus, mereka dikehendaki mendaftar sebagai veterinawan bertauliah. Mereka hendaklah tahu secara pasti semua syarat perakuan yang dibuat dalam SKV dimana tandatangan pegawai veterinar diperlukan untuk pengesahan rasmi.


Namun begitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyedari kekangan anggota kerana Jabatan masih belum memiliki pegawai veterinar yang mencukupi. Maka Pengarah Negeri bolehlah menurunkan kuasa kepada pegawai sokongan terlatih untuk menjalankan tugas ini. Kebenaran ini hanya terhad kepada kebenaran pindah tempatan, pindah antara negeri, sembelih dan pengesahan daging dan produk sihat.

Nama dan jawatan pegawai yang diberi kuasa hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS untuk tujuan dayajejak. Mereka yang tidak lagi menjalankan tugas tersebut hendaklah ditarik balik kuasanya.

SKV merupakan satu dokumen penting yang dikeluarkan berdasarkan kompetensi dan integriti pengamal veterinar berpandukan pengetahuan profesionalnya. Kepentingannya kepada keselamatan pengguna, kawalan

penyakit dan kebajikan haiwan adalah sangat kritikal. Maka menjadi tanggungjawab mereka yang diberi kuasa menandatangani SKV untuk menjalankan tugas ini dengan penuh amanah.

Maka dengan ini adalah diarahkan agar SKV dijadikan sebagai dokumen rujukan utama bagi semua urusan yang berkaitan dengan JPV untuk tujuan kawalan penyakit haiwan, keselamatan produk haiwan dan kebajikan haiwan. SKV juga mestilah ada bersama dengan haiwan atau produk haiwan yang berhasrat untuk dipindahkan dari satu lokasi ke satu lokasi atas sebarang tujuan.



Dato Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

PENYEDIAAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberikan panduan dalam penyediaan sijil kesihatan veterinar bagi tujuan perakuan status penyakit dan kesihatan haiwan, keselamatan produk haiwan dan kebajikan haiwan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai untuk penyediaan SKV bagi tujuan seperti berikut:

- 2.1 Eksport
- 2.2 Pemindahan
- 2.3 Penyembelihan
- 2.4 Daging untuk pasaran tempatan
- 2.5 Daya biak
- 2.6 Kesuburan
- 2.7 Insurans

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Doktor-Doktor Veterinar, 1974.
- 3.2 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).
- 3.3 Office International des Epizooties (OIE) - Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia.

4.0 DEFINISI

- 4.1 **Eksport**
Penghantaran haiwan dan produk haiwan ke luar negara.
- 4.2 **Pemindahan**
Pergerakan haiwan dan produk haiwan dari satu negeri/daerah/ mukim/ kampung/ kepungan/ premis ke satu negeri/daerah/ mukim/ kampung/ kepungan/ premis yang lain.
- 4.3 **Sembelih**
Memotong leher binatang hingga putus urat marahnya.
- 4.4 **Daya biak**
Keupayaan sesuatu haiwan pejantan yang boleh digunakan untuk meningkatkan prestasi pembiakan.

- 4.5 **Insurans**
Perjanjian tanggungan yang dibuat oleh sesebuah syarikat untuk menggantikan kerugian seseorang dengan bayaran premium tertentu.
- 4.6 **Kesuburan**
Keupayaan sesuatu haiwan betina yang boleh digunakan untuk meningkatkan prestasi pembiakan.
- 4.7 **Sijil Kesihatan Veterinar**
Sijil yang dikeluarkan oleh Pegawai Veterinar bertauliah atau mereka yang layak dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri bagi mengesahkan status kesihatan haiwan dan produk haiwan.
- 4.8 **Sijil Veterinar**
Pelbagai dokumen veterinar rasmi seperti permit, lesen daftar, keputusan makmal, pengesahan veterinar yang dikeluarkan untuk tujuan pengawasan veterinar.
- 4.9 **Premis**
Ladang, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang atau bangunan dimana haiwan atau produk haiwan ditempatkan.
- 4.10 **Pegawai Veterinar**
Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia yang dilantik sebagai Pegawai Veterinar kerajaan.
- 4.11 **Penguasa Veterinar**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk sesiapa sahaja yang ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai penguasa veterinar di bawah Seksyen 3.
- 4.12 **Veterinawan Bertauliah**
Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia, memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan oleh

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menjalankan tugas sebagai penguasa veterinar.

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 SKV – Sijil Kesihatan Veterinar
- 5.2 JPV – Jabatan Perkhidmatan Veterinar

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PENYEDIAAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR

6.1 EKSPORT

6.1.1 Syarat-syarat

Penyediaan SKV hendaklah berpandukan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara pengimport.

6.1.2 Status penyakit di lokasi asal

Status penyakit di lokasi asal hendaklah disahkan terlebih dahulu sebelum setiap perakuan dibuat dalam SKV.

6.1.3 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal

6.1.3.1 Haiwan

- a. Pemeriksaan kesihatan hendaklah dijalankan ke atas haiwan.
- b. Sampel darah/ serum/ calitan kloaka/ calitan nasal dan lain-lain hendaklah diambil untuk ujian makmal berpandukan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara pengimport.
- c. Rawatan dan suntikan vaksin hendaklah diberi sekiranya perlu. Tarikh rawatan antibiotik dan suntikan vaksin hendaklah dicatatkan di dalam SKV untuk makluman dan tindakan negara pengimport berpandukan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara pengimport.

6.1.3.2 Produk haiwan

- a. Pemeriksaan hendaklah dijalankan ke atas premis dan produk haiwan.
- b. Sampel produk / calitan peralatan / sampel air dan lain-lain hendaklah diambil untuk ujian makmal berpandukan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara pengimport.
- c. Sumber haiwan / produk haiwan untuk tujuan pemprosesan hendaklah dikenalpasti dan diperolehi daripada premis yang dibenarkan oleh Jabatan sahaja.

6.1.4 Pengeluaran SKV

- 6.1.4.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan dan produk haiwan yang mematuhi syarat-syarat negara pengimport berdasarkan hasil pemeriksaan kesihatan / premis / produk dan keputusan ujian makmal.
- 6.1.4.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar.

6.2 PEMINDAHAN

6.2.1 Syarat-syarat

- 6.2.1.1 Pemindahan antara negeri
 - a. Penyediaan SKV hendaklah berpandukan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negeri destinasi.
 - b. Pemindahan juga hendaklah mendapat kebenaran daripada JPV negeri destinasi.
- 6.2.1.2 Pemindahan antara daerah / mukim / kampung / kepungan / premis
 - a. Penyediaan SKV hendaklah berpandukan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negeri berkenaan.
 - b. Pemindahan juga hendaklah dimaklumkan kepada daerah/mukim/kampung/kepungan/premis destinasi.

6.2.2 Status penyakit di lokasi asal

Status penyakit di lokasi asal hendaklah disahkan terlebih dahulu sebelum setiap perakuan dibuat dalam SKV.

6.2.3 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal

6.2.3.1 Haiwan

- a. Pemeriksaan kesihatan hendaklah dijalankan ke atas haiwan.
- b. Sampel darah/ serum/ calitan kloaka/ calitan nasal dan lain-lain hendaklah diambil untuk ujian makmal sekiranya perlu.
- c. Rawatan dan suntikan vaksin hendaklah diberi sekiranya perlu. Tarikh rawatan antibiotik dan suntikan vaksin hendaklah dicatatkan di dalam SKV untuk makluman dan tindakan negeri destinasi.

6.2.3.2 Produk haiwan

- a. Pemeriksaan fizikal hendaklah dijalankan ke atas produk haiwan.
- b. Sampel produk haiwan hendaklah diambil untuk ujian makmal sekiranya perlu.

6.2.4 Pengeluaran SKV

6.2.4.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan dan produk haiwan yang mematuhi syarat-syarat negeri destinasi berdasarkan hasil pemeriksaan kesihatan/ fizikal dan keputusan ujian makmal.

6.2.4.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar, penguasa veterinar atau veterinawan bertauliah.

6.3 PENYEMBELIHAN

6.3.1 Syarat-syarat

Kebenaran menyembelih serta tempat penyembelihan hendaklah diperolehi daripada JPV negeri.

6.3.2 Pemeriksaan Veterinar

6.3.2.1 Pemeriksaan kesihatan hendaklah dijalankan ke atas haiwan.

6.3.2.2 Sampel hendaklah diambil sekiranya perlu.

6.3.3 Pengeluaran SKV

6.3.3.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan berpandukan kepada hasil pemeriksaan kesihatan dan keputusan ujian makmal.

6.3.3.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar, penguasa veterinar atau veterinawan bertauliah.

6.4 DAGING UNTUK PASARAN TEMPATAN

6.4.1 Syarat-syarat

Sumber daging hendaklah diperolehi daripada haiwan yang mendapat kebenaran sembelihan dan disembelih di tempat penyembelihan yang dibenarkan oleh Jabatan.

6.4.2 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal

6.4.2.1 Pemeriksaan fizikal hendaklah dijalankan ke atas daging.

6.4.2.2 Calitan daging hendaklah diambil untuk ujian saringan dan ujian makmal sekiranya perlu.

6.4.3 Pengeluaran SKV

6.4.3.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas daging berpandukan kepada hasil pemeriksaan fizikal dan keputusan ujian makmal.

- 6.4.3.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar, penguasa veterinar atau veterinar bertauliah.

6.5 DAYA BIAK

6.5.1 Syarat-syarat

- 6.5.1.1 Haiwan hendaklah digunakan untuk tujuan pembiakan sahaja.
- 6.5.1.2 Haiwan hendaklah mencapai umur matang.

6.5.2 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal

- 6.5.2.1 Pemeriksaan kesihatan dan fizikal hendaklah dijalankan ke atas haiwan.
- 6.5.2.2 Sampel darah/ serum/ basuhan preputial hendaklah diambil untuk ujian makmal berdasarkan kepada spesis haiwan.
- 6.5.2.3 Sampel semen hendaklah diambil untuk ujian penilaian semen di makmal.

6.5.3 Pengeluaran SKV

- 6.5.3.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan berpandukan kepada hasil pemeriksaan kesihatan dan fizikal serta keputusan ujian makmal.
- 6.5.3.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar atau veterinar bertauliah.

6.6 KESUBURAN

6.6.1 Syarat-syarat

- 6.6.1.1 Haiwan hendaklah digunakan untuk tujuan

pembiakan sahaja.

6.6.1.2 Haiwan hendaklah mencapai umur matang.

6.6.2 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal

6.6.2.1 Pemeriksaan kesihatan, fizikal dan organ pembiakan hendaklah dijalankan ke atas haiwan.

6.6.2.2 Sampel darah/ serum hendaklah diambil untuk ujian makmal berdasarkan kepada spesis haiwan.

6.6.3 Pengeluaran SKV

6.6.3.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan berpandukan kepada hasil pemeriksaan kesihatan, fizikal dan organ pembiakan serta keputusan ujian makmal.

6.6.3.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar atau veterinar bertauliah.

6.7 INSURANS

6.7.1 Syarat-syarat

Penyediaan SKV hendaklah berpandukan kepada keperluan pihak insurans.

6.7.2 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal

6.7.2.1 Pemeriksaan kesihatan dan fizikal hendaklah dijalankan ke atas haiwan .

6.7.2.2 Sampel darah/ serum/ calitan kloaka/ calitan nasal dan lain-lain hendaklah diambil untuk ujian makmal sekiranya perlu.

6.7.3 Pengeluaran SKV

6.7.3.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan

berpandukan kepada hasil pemeriksaan kesihatan dan fizikal serta keputusan ujian makmal.

- 6.7.3.2 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh pegawai veterinar atau veterinawan bertauliah.

7.0 FORMAT SIJIL KESIHATAN VETERINAR

Sijil hendaklah dirangka dalam bentuk yang sukar dipalsukan dengan menggunakan nombor rujukan yang unik atau lain-lain cara untuk memastikan keasliannya. (rujuk lampiran bagi model setiap SKV)

8.0 SIJIL KESIHATAN ELEKTRONIK

- 8.1 Sijil kesihatan elektronik hendaklah dihantar terus kepada pihak berkuasa veterinar negara pengimport.
- 8.2 Pegawai veterinar yang membuat perakuan hendaklah mempunyai kesemua maklumat ujian makmal dan data pengenalan haiwan.
- 8.3 Sijil kesihatan elektronik hendaklah mempunyai maklumat yang sama seperti sijil yang dikeluarkan secara manual.
- 8.4 Pihak berkuasa veterinar hendaklah mempunyai sistem keselamatan yang menghalang pencerobohan ke atas sijil kesihatan elektronik.
- 8.5 Pegawai veterinar yang membuat perakuan hendaklah bertanggungjawab secara rasmi atas penggunaan tandatangan elektroniknya.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Ekспорт
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium 4G1
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

Tel: 03-8870 2000

Faks: 03-8870 6472

Email: pro@dvs.gov.my

Laman web: <http://www.dvs.gov.my>

LAMPIRAN 1: Model SKV untuk tujuan eksport haiwan

VETERINARY HEALTH CERTIFICATE

COUNTRY:

Part 1: Details of dispatched consignment	I.1. Consignor: Name:		I.2. Certificate reference number:				
	Address:		I.3. Veterinary Authority:				
	I.4. Consignee: Name:						
	Address:						
	I.5. Country of origin: (ISO code)		I.6. Country of destination: (ISO code)				
	I.7. Zone or compartment of origin:						
	I.8. Place of origin: Name:						
	Address:						
	I.9. Place of loading:		I.10. Date of export:				
	I.11. Mode of transport: Air <input type="checkbox"/> Sea <input type="checkbox"/> Road <input type="checkbox"/> Rail <input type="checkbox"/> Other <input type="checkbox"/>		I.12. Entry point:				
	Identification:		I.13. CITES permit No(s):				
	I.14. Type of packaging:		I.15. Identification of container / seal number:				
	I.16. Commodities intended for use as: Breeding/rearing <input type="checkbox"/> Competition <input type="checkbox"/> Slaughter <input type="checkbox"/> Game restocking <input type="checkbox"/> Pets <input type="checkbox"/> Circus/exhibition <input type="checkbox"/> Other <input type="checkbox"/>						
	I.17. For import or admission: Definitive import <input type="checkbox"/> Re-entry <input type="checkbox"/> Temporary admission <input type="checkbox"/>						
	I.18. Identification of commodities:						
	Species	Breed	Age	Sex	Identification number	Identification system	Quantity
	Total:						

COUNTRY:

II.a. Certificate reference number:

Part II: Zoosanitary information

II. The undersigned Official Veterinarian certifies that the animal(s) described above satisfy(ies) the following requirements:

Issued at:

Name of Official Veterinarian:

Official position:

Official Stamp:

Date:

Signature:

LAMPIRAN 2: Model SKV untuk tujuan eksport produk haiwan

VETERINARY HEALTH CERTIFICATE

COUNTRY:

Part I: Details of dispatched consignment	I.1. Consignor: Name: Address:		I.2. Certificate reference number: I.3. Veterinary Authority:				
	I.4. Consignee: Name: Address:						
	I.5. Country of origin: ISO code:		I.6. Country of destination: ISO code:				
	I.7. Zone or compartment of origin:						
	I.8. Place of origin: Name: Address:						
	I.9. Place of loading:		I.10. Date of export:				
	I.11. Mode of transport: Air <input type="checkbox"/> Sea <input type="checkbox"/> Road <input type="checkbox"/> Rail <input type="checkbox"/> Other <input type="checkbox"/> _____		I.12. Entry point:				
	Identification:		I.13. CITES permit No(s)**:				
	I.14. Temperature of product: Ambient <input type="checkbox"/> Chilled <input type="checkbox"/> Frozen <input type="checkbox"/>		I.15. Identification of container / seal number:				
			I.16. Type of packaging:				
	I.17. Commodities intended for use as: Human consumption <input type="checkbox"/> Animal feed <input type="checkbox"/> Further processing <input type="checkbox"/> Technical use <input type="checkbox"/> Other <input type="checkbox"/> _____						
	I.18. Identification of commodities:						
	Species	Nature of commodity	Approval number of establishments	Treatment type	Batch number	Production / slaughter date	Number of packages
Total:							

COUNTRY:

II.a. Certificate reference number:

Part II: Zoosanitary information

II. The undersigned Official Veterinarian certifies that the products described above satisfy(ies) the following requirements:

Issued at:

Name of Official Veterinarian:

Official position:

Official Stamp:

Date:

Signature:

LAMPIRAN 3: Model SKV untuk tujuan pemindahan haiwan

SIJIL KESIHATAN VETERINAR BAGI PEMINDAHAN HAIWAN

Bahagian 1: Keterangan Umum	I.1. Penghantar: Nama: Alamat:			I.2. Nombor rujukan: I.3. Pejabat Veterinar:		
	I.4. Penerima: Nama: Alamat:					
	I.5. Negeri/daerah asal:			I.6. Negeri/daerah destinasi:		
	I.7. Ladang asal: Nama: Alamat:					
	I.8. Tarikh pemindahan:			I.9. Kaedah pengangkutan: Lori <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/> _____ (nyatakan) No. Pendaftaran:		
	I.10. Nombor seal:					
	I.11. Tujuan Pemindahan: Baka/ternak <input type="checkbox"/> Pertandingan <input type="checkbox"/> Sembelih <input type="checkbox"/> Peliharaan <input type="checkbox"/> Pameran <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/> _____ (nyatakan)					
	I.12. Pengenalan Haiwan:					
	Spesis	Baka	Umur	Jantina	Nombor Pengenalan	Jumlah
Jumlah:						

Bahagian II: Perakuan Kesihatan	II.a. Nombor rujukan:
	II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa haiwan yang tersebut di atas telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
Nama Pegawai:	
Jawatan:	
Tempat Bertugas:	Cop rasmi:
Nombor Pentauihan:	Tarikh:
Tandatangan:	

LAMPIRAN 4: Model SKV untuk tujuan pemindahan produk haiwan

SIJIL KESIHATAN VETERINAR BAGI PEMINDAHAN PRODUK HAIWAN

Bahagian 1: Keterangan Umum	I.1. Penghantar: Nama:		I.2. Nombor rujukan:	
	Alamat:		I.3. Pejabat Veterinar:	
	I.4. Penerima: Nama:			
	Alamat:			
	I.5. Negeri/daerah asal:		I.6. Negeri/daerah destinasi:	
	I.7. Premis asal: Nama:			
	Alamat:			
	I.8. Tarikh pemindahan:		I.9. Kaedah pengangkutan: Lori <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/> _____ (nyatakan)	
	I.10. Nombor seal:		No. Pendaftaran:	
	I.11. Tujuan Pemindahan:			
	I.12. Pengenalan Haiwan:			
	Spesis		Nombor Pengenalan Produk	Berat (kg)
Jumlah:				

LAMPIRAN 5: Model SKV untuk tujuan penyembelihan

SIJIL KESIHATAN VETERINAR BAGI PENYEMBELIHAN

Bahagian 1: Keterangan Umum	I.1. Pemilik: Nama:			I.2. Nombor rujukan:		
	Alamat:			I.3. Pejabat Veterinar:		
	I.4. Ladang: Nama:					
	Alamat:					
	I.5. Tempat penyembelihan: Nama:					
	Alamat:					
	I.6. Tarikh penyembelihan:			I.7. Kaedah pengangkutan:		
	I.8. Nombor <i>seal</i> :			Lori <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/> _____ (nyatakan)		
	No. Pendaftaran:					
	I.9. Tujuan Penyembelihan:					
Agama <input type="checkbox"/> Jualan <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/> _____ (nyatakan)						
I.10. Pengenalan Haiwan:						
Spesis	Baka	Umur	Jantina	Nombor Pengenalan	Jumlah	
Jumlah:						

Bahagian II: Perakuan Kesihatan	II.a. Nombor rujukan:
	II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa haiwan yang tersebut di atas telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
Nama Pegawai:	
Jawatan:	
Tempat Bertugas:	Cop rasmi:
Nombor Pentauliahan:	Tarikh:
Tandatangan:	

Bahagian II: Perakuan Kesihatan	II.a. Nombor rujukan:
	<p>II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa produk yang tersebut di atas telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:</p>
	<p>Nama Pegawai:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tempat Bertugas:</p> <p>Nombor Pentauliahan:</p> <p>Tandatangan:</p> <p style="text-align: right;">Cop rasmi:</p> <p style="text-align: right;">Tarikh:</p>

LAMPIRAN 7: Model SKV untuk tujuan daya biak/kesuburan

SIJIL KESIHATAN VETERINAR BAGI DAYABIAK/KESUBURAN

Bahagian 1: Keterangan Umum	I.1. Pemilik: Nama:		I.2. Nombor rujukan: I.3. Pejabat Veterinar:			
	Alamat:					
	I.4. Ladang: Nama:					
	Alamat:					
	I.5. Tarikh pemeriksaan:					
I.6. Pengenalan Haiwan:						
	Bil.	Spesis	Baka	Umur	Jantina	Nombor Pengenalan

Bahagian II: Perakuan Kesihatan	II.a. Nombor rujukan:
	<p>II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa haiwan yang tersebut di atas telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:</p>
	<p>Nama Pegawai:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tempat Bertugas: Cop rasmi:</p> <p>Nombor Pentauliahan: Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p>

Bahagian II: Perakuan Kesihatan	II.a. Nombor rujukan:
	<p>II. Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa haiwan yang tersebut di atas telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:</p>
	<p>Nama Pegawai:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tempat Bertugas: Cop rasmi:</p> <p>Nombor Pentauliahan: Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p>

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN
ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA
PENYEDIAAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR**

- Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria**
Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
- Disediakan oleh : **Dr. Saipul Bahari bin Hj. Abdul Ree**
Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport
- Dr. Nur Hafizan binti Sharudin**
Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport
- Cik Norazean binti Mohamd Falal**
Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport